



MEMO

KEPADA : YBhg. Dato' Abdul Latif Bin Haji Abu Seman
Ketua Pengarah

MELALUI : Pn. Mariatul Af-Ida Mohd Tajul Ariffin
Pengurus Kanan, PCD

DARIPADA : Encik Izzul Ikhwan Ishak
Penolong Pengurus, PCD

TARIKH : 9 November 2020

**PERKARA : MEMOHON SOKONGAN DAN KELULUSAN BORANG
PEMBAYARAN BAGI MEMBANGUNKAN VIDEO CREATING
RIGHT MINDSET AMONG REGULATORS TO COMPLY
REGULATION/GUIDELINES**

YBhg. Dato',

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Unit *Behavioural Insights (BI)* telah memfokuskan penggunaan platform media sosial dan saluran digital bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pendekatan *Behavioural Insights (BI)* dalam mewujudkan polisi yang lebih baik.
3. Borang pembayaran bagi penyediaan video tersebut telah pun dihantar kepada unit perolehan pada 6 November 2020 (Jumaat). Walaubagaimanapun, unit perolehan meminta sekretariat BI supaya mendapatkan memo kelulusan KP terlebih dahulu bagi proses selanjutnya.
4. Unit BI menerima arahan daripada En. Zahid Ismail, TKP pada 4 November 2020 untuk membantu Private Healthcare Productivity Nexus (PHPN) dalam inisiatif meningkatkan tahap pematuhan peraturan dikalangan pihak berkuasa tempatan. Mesyuarat antara Unit BI, PHPN dan juga pasukan Mymudah pada 5 November, 2020 telah bersetuju untuk membangunkan video berkonsepkan *Behavioural Insights*. Seterusnya perbincangan dengan beberapa pembekal dibuat untuk mengenalpasti pembekal yang sesuai dan ini menyebabkan kelewatan pengisian RO tersebut.

5. Dengan ini, kami ingin memohon kebenaran dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan pembayaran berjumlah RM8,000.00 dengan menggunakan Borang Pembayaran Perolehan RO kepada syarikat Otto Solution bagi tujuan pembayaran perkhidmatan penyediaan video bagi projek bersama BI unit dan PHPN.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



Izzul Ikhwan Ishak

Penolong Pengurus

Disokong oleh



**Mariatul Af-ida bt Mohd
Tajul Ariffin**

Pengurus Kanan

Diluluskan oleh



**Dato' Abdul Latif Bin
Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah